

BARANG-BARANG PENGGUNA

Bil	Barang yang dipesan / Jenama	Model	Jumlah Unit	Harga
1				
2				
3				
4				
5				

Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa:

1. Maklumat yang diberikan di dalam borang permohonan pembiayaan ini dan dokumen-dokumen lain adalah benar tanpa menyembunyikan maklumat yang mungkin mempengaruhi permohonan saya.
2. Saya bukanlah seorang yang mufliis seperti yang tertaluk di bawah Seksyen 3 Akta Kebankrapan 1967. Saya akan memaklumkan kepada pihak Kota Mas dalam tempoh 7 hari sekiranya saya berada dalam proses kebangkrapan.
3. Saya dengan ini memberi kuasa kepada Kota Mas untuk mendapatkan dan mengesahkan maklumat tentang saya daripada majikan saya, mana-mana Intituti Kewangan, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Central Credit Reference Information System (CCRIS), dan daripada mana-mana sumber yang difikirkan sesuai, untuk apa sahaja maklumat yang diperlukan oleh Kota Mas.

.....
Tandatangan Pemohon*

No. Anggota Koperasi*

Nama*

Tarikh*

.....
Tandatangan Saksi*

No. Anggota Koperasi*

Nama*

Tarikh*

Untuk Kegunaan Kota Mas

Diproses Oleh:	Disemak Oleh:	Tandatangan Jawatankuasa Pinjaman:	Catatan
Catatan:	Catatan:	Pengerusi:	Lulus / Ditolak
		Setiausaha:	
		AJK:	
Tandatangan/Tarikh:	Tandatangan/Tarikh:	AJK:	

PERJANJIAN JUALAN

Perjanjian ini dibuat pada bulan tahun 20

DIANTARA

KOPERASI TELEKOM MALAYSIA BERHAD (Koop Negara No. 1/1922) sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 beralamat di No.94, Tingkat 3, Wisma Kota Mas, Jalan Dato' Hj Eusoff, Kompleks Damai, 50400 Kuala Lumpur (selepas ini dirujuk sebagai "**KOTA MAS**") di satu pihak;

DAN

Pihak yang disebut dalam Seksyen 1 Jadual (selepas ini dirujuk sebagai "**Pelanggan**") di satu pihak yang lain.

BAHAWASANYA

Pelanggan telah memohon mendapatkan kemudahan pembiayaan kewangan untuk jumlah yang dinyatakan dalam Seksyen 2 Jadual (**Kemudahan Kewangan**) dan KOTA MAS telah meluluskan permohonan tersebut di bawah konsep Syariah Bai'Inah.

DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI seperti berikut :

1. KOTA MAS dengan ini bersetuju menjual dan Pelanggan bersetuju membeli aset yang dimiliki KOTA MAS yang dinyatakan dalam Seksyen 3 Jadual (selepas ini dirujuk sebagai "**Aset**") dengan harga yang dinyatakan didalam Seksyen 4 Jadual (selepas ini dirujuk sebagai "**Harga Jualan Tangguh**").
2. BAHAWA Pelanggan beraku janji dan bersetuju secara tidak terbatal :
 - a) Membenarkan majikan melaksanakan potongan gaji Pelanggan untuk jumlah yang dinyatakan dalam Seksyen 5 Jadual (selepas ini dirujuk sebagai "**Ansuran Bulanan**") untuk tempoh seperti yang dinyatakan dalam seksyen 6 (selepas ini dirujuk sebagai "**Tempoh Bayaran**") bagi menjelaskan Harga Jualan Tangguh yang mesti dibayar oleh Pelanggan kepada KOTA MAS sehingga keseluruhan Harga Jualan Tangguh tersebut dibayar sepenuhnya;
 - b) Ansuran-ansuran tersebut hendaklah dibayar kepada KOTA MAS pada atau sebelum hari terakhir setiap bulan sehingga seluruh Harga Jualan Tangguh itu diselesaikan oleh Pelanggan;
 - c) Pelanggan membuat bayaran sendiri jika potongan oleh pihak majikan tidak dapat dibuat atau jika kegagalan oleh sistem potongan gaji majikan;
 - d) Mengekalkan minima wang saham seperti yang ditetapkan dalam Undang-Undang Kecil KOTA MAS dan yuran bulanan dalam jumlah yang dinyatakan dalam Seksyen 7 Jadual (selepas ini dirujuk sebagai "**Baki Saham/Simpanan**") sehingga Harga Jualan Tangguh tersebut diselesaikan sepenuhnya;
 - e) Membenarkan Baki Saham/Simpanan Pelanggan, atau pihak lain yang berkaitan dengannya oleh diambil oleh KOTA MAS setakat yang ada, untuk menjelaskan bayaran Harga Jualan Tangguh sekiranya Pelanggan gagal, lalai atau cuai menjelaskan jumlah yang masih terhutang pada bila-bila masa;
 - f) Membenarkan KOTA MAS mengenakan caj pampasan 1% sekiranya Pelanggan gagal menjelaskan segala bayaran Harga Jualan Tangguh;
 - g) Tidak akan berhenti dari menjadi anggota KOTA MAS sehingga seluruh Harga Jualan Tangguh dan yang lain-lain bayaran atau perbelanjaan terwujud oleh Perjanjian ini (jika ada) diselesaikan oleh Pelanggan;
 - h) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan khasnya berhubung dengan pembayaran Harga Jualan Tangguh yang diperolehi daripada KOTA MAS;
 - i) Membenarkan KOTA MAS menuntut daripada Pelanggan segala kos, perbelanjaan, yuran dan bayaran yang telah dibelanjakan oleh KOTA MAS untuk menguatkuasakan hak-hak atau remedi-remedi yang berhak didapatkan oleh KOTA MAS serta kos untuk menuntut dan/atau mendapatkan Harga Jualan Tangguh termasuk segala kos dan bayaran guaman, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, mahkamah dan sebagainya;
 - j) KOTA MAS boleh menuntut daripada Pelanggan untuk seluruh Harga Jualan Tangguh serta kos dan perbelanjaan lain, sekiranya Pelanggan gagal mematuhi mana-mana peruntukan didalam Perjanjian ini tanpa memprejudiskan Pelanggan atau sebaliknya;
 - k) Menanggung rugi sepenuhnya segala kerugian dan/atau kerosakan dan/atau risiko KOTA MAS secara langsung atau tidak langsung akibat daripada kegagalan atau kelalaian atau kecuaiannya Pelanggan untuk mematuhi mana-mana peruntukan didalam Perjanjian ini atau mana-mana bahagiannya;
 - l) Membayar semua setiap ansuran daripada Ansuran Bulanan tersebut atau mana-mana bahagian tepat pada masa tanpa sebarang kelewatan, kelalaian atau kegagalan;
 - m) Tiada kelewatan, kegagalan atau ketinggalan KOTA MAS dalam menguatkuasakan atau melaksanakan mana-mana satu hak, remedi atau kuasanya dibawah Perjanjian ini akan menafikan hak, remedi atau kuasa KOTA MAS sedemikian atau menjadi satu pengecualian kepadanya atau mana-mana satu atau sebahagian hak atau remedi atau kuasa KOTA MAS yang lain dibawah Perjanjian ini;
 - n) Semua masa atau tempoh yang dirujuk dalam Perjanjian ini adalah intipati perjanjian ini;
 - o) Mendapatkan seseorang yang dikenalpasti dan dipersetujui oleh KOTA MAS yang butirannya disebut dalam Seksyen 8 Jadual 1 (selepas ini dirujuk sebagai "**Penjamin**") untuk menjamin bayaran Harga Jualan Tangguh, pematuhan kesemua terma dan syarat Perjanjian ini oleh Pelanggan dan lain-lain bayaran atau perbelanjaan terwujud oleh Perjanjian ini (jika ada) kepada KOTA MAS oleh Pelanggan;

3. Bahawa kesemua hak, remedi dan kuasa KOTA MAS disini adalah bersifat kumulatif dan tidak bersifat eksklusif daripada hak-hak dan kuasa-kuasa KOTA MAS dibawah undang-undang dan ekuiti khasnya dibawah Akta Koperasi 1993 (Akta 502).
4. Perjanjian ini serta kesemua dan syaratnya harus ditaksirkan dan diputuskan oleh Undang-undang Malaysia.
5. Perjanjian ini dan apa jua transaksi yang dilaksanakan hendaklah mematuhi kehendak dan peraturan yang ditentukan Syariah.

Kesemua terma dan syarat yang tercatat diatas adalah dengan ini dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang telah menandatangani dibawah:

.....
Tandatangan Pelanggan*

Nama :
 No. K/P :

.....
Tandatangan Saksi*

Nama :
 No. K/P :

.....
Tandatangan wakil Kota Mas

Nama :
 No. K/P :

.....
Tandatangan Saksi

Nama :
 No. K/P :

JADUAL

(yang perlu diambil kira dianggap sebagai dan sebahagian daripada bahagian Perjanjian ini)

Seksyen	Perkara	Keterangan
1 (butiran pelanggan)	Nama: * No. K/P : *
2	Kemudahan Kewangan:	Ringgit Malaysia (RM.....) sahaja
3	Aset:	Unit Tingkat Wisma Kot a Mas, Jalan Dato' Haji Eusoff, Kompleks Damai 50400 Kuala Lumpur.
4	Harga Jualan Tangguh:	Ringgit Malaysia (RM.....) sahaja
5	Ansuran Bulanan:	Ringgit Malaysia (RM.....) sahaja
6	Tempoh Bayaran:() tahun() bulan
7	Baki Saham: Simpanan:	Ringgit Malaysia (RM.....) sahaja
8	Penjamin:	Jadual 1

Untuk Kegunaan Kota Mas

Seperti yang telah dipersetujui dalam perbualan telefon diantara wakil (KOTA MAS) bernama _____ dengan Pelanggan pada tarikh _____ masa _____ .

Pengakuan Pegawai: Saya dengan ini mengesahkan bahawa butiran Aset dan Harga Jualan Tangguh telah dimaklumkan kepada Pelanggan.

 Tandatangan Pegawai/Kakitangan KOTA MAS

Saya bagi pihak Kota Mas dengan ini menjual.....milik Kota Mas kepada.....dengan harga RM.....untuk dibayar dengan harga tangguh

PERJANJIAN BELIAN

Perjanjian ini dibuat pada bulan tahun 20.....

DIANTARA

KOPERASI TELEKOM MALAYSIA BERHAD (Koop Negara No. 1/1922) sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 beralamat di No.94, Tingkat 3, Wisma Kota Mas, Jalan Dato' Hj Eusoff, Kompleks Damai, 50400 Kuala Lumpur (selepas ini dirujuk sebagai " **KOTA MAS**").

DAN

Pihak yang disebut dalam Seksyen 1 Jadual (selepas ini dirujuk sebagai **Pelanggan**) .

BAHAWASANYA

KOTA MAS bersetuju membeli dan Pelanggan bersetuju menjual aset yang dinyatakan dalam Seksyen 2 Jadual (selepas ini dirujuk sebagai **aset**)

DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI seperti berikut:

1. KOTA MAS dengan ini membeli Aset tersebut daripada Pelanggan dengan harga yang dinyatakan dalam Seksyen 3 Jadual (selepas ini dirujuk sebagai "**Harga Belian**") secara tunai.
2. Perjanjian ini serta kesemua terma dan syaratnya harus ditaksirkan dan diputuskan oleh Undang-undang Malaysia.
3. Perjanjian ini dan apa jua transaksi yang dilaksanakan hendaklah mematuhi kehendak dan peraturan yang ditentukan Syariah.

Kesemua terma dan syarat yang tercatat diatas adalah dengan ini dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang telah menandatangani dibawah:

.....
Tandatangan Pelanggan*

Nama :
No. K/P :

.....
Tandatangan Saksi*

Nama :
No. K/P :

.....
Tandatangan wakil Kota Mas

Nama :
No. K/P :

.....
Tandatangan Saksi

Nama :
No. K/P :

JADUAL

(yang perlu diambil kira dianggap sebagai dan sebahagian daripada bahagian Perjanjian ini)

Seksyen	Perkara	Keterangan
1 (butiran pelanggan)	Nama:* No. K/P:*
2	Aset:	Unit Tingkat Wisma Kotamas, Jalan Dato' Haji Eusoff , Kompleks Damai 50400 Kuala Lumpur.
3	Harga Belian:	Ringgit Malaysia (RM) sahaja

Untuk Kegunaan Kota Mas

Seperti yang telah dipersetujui dalam perbualan telefon diantara wakil (KOTA MAS) bernama
dengan Pelanggan pada tarikh masa

Pengakuan Pegawai: Saya dengan ini mengesahkan bahawa butiran Aset dan Harga Belian telah dimaklumkan kepada Pelanggan.

.....
Tandatangan Pegawai/Kakitangan KOTA MAS

Saya bagi pihak Kota Mas dengan ini menjual.....milik Kota Mas kepada.....dengan harga RM.....untuk dibayar dengan harga tangguh.